

Program 7 Pillars!

Seminar Patriotisme & Jatidiri Pelajar UniMAP

 Azilawati Suanda

Pada 10 Oktober 2009 yang lalu, telah berlangsung satu seminar bagi meningkatkan semangat patriotisme di kalangan pelajar UniMAP. Program ini merupakan salah satu program wajib yang perlu dilalui oleh semua pelajar di UniMAP. Seperti sebelumnya, pelaksanaan program ini bukanlah berbentuk seminar tetapi lebih kepada kursus di mana pelajar-pelajar tersebut akan dibawa ke serata kem BTN di Zon Utara dan di sana mereka akan menjalani kursus selama 3 hari 2 malam. Pada kali ini, disebabkab beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan, kursus tersebut tidak dapat dilaksanakan dan diganti dengan seminar patriotisme dimana pelajar yang terlibat dibekalkan dengan pelbagai informasi berkaitan kenegaraan dan isu-isu yang berkaitan dengan negara-bangsa.

Seminar ini telah dilaksanakan khas untuk pelajar-pelajar Tahun 2, 3 dan 4 yang

m a s i h b e l u m mengikuti Kursus BTN sebelumnya. Objektif seminar patriotisme ini lebih jelas untuk melihat sama ada semangat patriotisme dapat disemai kepada generasi muda serta memberi peluang kepada pelajar untuk menyuarakan pandangan masing-masing secara terbuka. Secara keseluruhannya, pihak universiti amatlah berharap seminar ini dapat memupuk semangat cintakan negara, merapatkan jurang etnik dan melahirkan mahasiswa cemerlang di dalam usaha menjayakan Gagasan 1 Malaysia. Beberapa penceramah daripada Tenaga Penggerak Biro Tatanegara yang berpengalaman telah dijemput untuk menyampaikan ceramah iaitu, Tuan Fadhil bin Jamaluddin, Tuan Haji Abdullah bin Haji Ahmad dan Tuan Haji Md Noor bin Md Idris.



Program anjuran Unit Latihan & Pembangunan Pelajar dan RPS, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ini telah dirasmikan oleh Encik Razli Ahmad iaitu Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Pada ucapannya, beliau telah memberi sedikit nasihat kepada pelajar supaya menjadi insan yang mencintai negara dan menyemai semangat patriotisme sedalam-dalamnya supaya tidak mudah lupa diri dan menghargai anugerah yang diberi seadanya. Beliau juga mengharapkan semua pelajar supaya menjadi lebih berdisiplin dan menjadi seorang pelajar yang berpengetahuan di dalam pelbagai bidang yang diceburi.